

24/06/2001

Tindakan disiplin: MT sedia pertimbangkan rayuan

MESYUARAT Majlis Tertinggi (MT) Umno yang pertama selepas perhimpunan agung ini akan mempertimbangkan penubuhan Jawatankuasa Rayuan untuk mereka yang dikenakan tindakan disiplin membuat rayuan.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang menggulung perbahasan di Perhimpunan Agung Umno semalam, berkata pada dasarnya MT sedia memberi mereka peluang untuk mengemukakan rayuan.

"Sekarang sudah ada lembaga disiplin yang bebas bergerak. Tindakan sudah diambil tetapi ramai kawan memperingati saya bahawa dalam Perlembagaan bukan tiada tempat membuat rayuan jika tidak puas hati.

"Perkara ini sudah saya bincangkan dengan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, barisan naib presiden serta ahli MT lain dan ketetapan dibuat untuk membincangkannya dalam mesyuarat MT," katanya.

Mengulas lebih lanjut penubuhan Lembaga Disiplin, Timbalan Perdana Menteri berkata, lembaga yang bebas itu diwujudkan supaya tidak ada lagi andaian seperti dulu kononnya jawatankuasa pengurusan yang juga jawatankuasa disiplin mengambil tindakan dengan memihak kepada kawan-kawan atau melindungi orang tertentu.

Sambil menafikan dakwaan itu, beliau berkata tindakan disiplin dikenakan selepas memberi pertimbangan yang adil dan saksama.

"Kita bukan ambil tindakan seronok-seronok dan mengenakan disiplin terhadap sesiapa," katanya.

Abdullah turut mengingatkan ahli Umno mengenai bahaya budaya politik wang yang mendedahkan negara kepada pihak yang berniat mempengaruhi kewujudan barisan kepimpinan parti yang kemudiannya menjadi pemimpin kerajaan.

Beliau berkata, kumpulan berkenaan akan menggunakan politik wang bagi mewujudkan pemimpin boneka sebagai orang suruhan mengikut rentak mereka kerana kemenangan pemimpin negara dibiayai pihak yang dimaksudkan.

"Perdana Menteri sudah berulang kali menggesa, merayu dan menangis supaya kegiatan ini dihentikan kerana kalaulah wang menjadi dorongan membuat pilihan bermakna kita semua boleh dibeli.

"Sebenarnya, bukan mahal jika negara ini boleh dibeli kalau setiap seorang diberi sejuta, hanya perlu RM2 bilion bagi sesiapa yang nak tawan kerajaan ini dan mewujudkan pemimpin pilihannya.

"Kita tidak patut abaikan tugas dan tanggungjawab. Kita mesti jalankan kerja kita supaya benar-benar berkesan dan tidak mudah dipengaruhi anasir asing," katanya.

Abdullah turut mengingatkan pemimpin pada peringkat bahagian yang dipilih dalam pemilihan baru-baru ini supaya bekerja kuat mulai sekarang untuk memastikan kemenangan calon Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum 2004.

Beliau berkata, pemimpin terbabit bertanggungjawab memastikan segala kegiatan, program parti dan persediaan dibuat menjurus kepada usaha memastikan calon BN mencapai kemenangan besar dalam pilihan raya itu.

"Jangan merancang untuk bersaing sekali lagi dalam pemilihan yang akan diadakan tiga tahun lagi. Lupakanlah pemilihan yang akan datang... utamakanlah pilihan raya.

"Saudara dipilih untuk menjadi pemimpin. Pastikanlah pula dalam pilihan raya saudara menangkan calon BN. Barulah ada ertinya saudara menjadi pemimpin bahagian," katanya.

Dalam masa yang sama, Abdullah mengingatkan pemimpin terbabit supaya

bekerja untuk semua dan bukannya berkhidmat untuk rakan-rakan mereka saja.

"Siapa yang tidak dipilih hormatilah proses amalan demokrasi dalam bahagian. Hormati dan terimalah pemimpin yang dipilih oleh bahagian masing-masing.

"Inilah caranya mewujudkan kekuatan dan kerjasama. Kita perlu berkerjasama untuk menghadapi pilihan raya.

"Saya harap untuk mewujudkan kerjasama dan muafakat, semua perlu bekerjasama dan bermuafakat. Tidak ada yang terkecuali, tidak ada yang buat kacau dan tidak ada yang menggunakan perdebatan untuk melemahkan pemimpin dan kawan-kawan," katanya.

(END)